



UCAPAN PRESIDEN ANGKASA YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH ABDULLAH

MAJLIS SAMBUTAN ULANG TAHUN ANGKASA KE 52



JUMAAT, 12 MEI 2023

AUDITORIUM ANGKASA

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum W.B.T



Salam Madani, Salam
Perpaduan dan Salam Koperasi

***(PROTOKOL SAPAAN DIBERI
SEMASA MAJLIS)***



1. Syukur ke hadrat Allah SWT kerana di atas limpah rahmat dan izinNya dapat kita semua seluruh warga kerja ANGKASA dapat berkumpul pada pagi yang berbahagia ini bagi meraikan hari



yang amat bersejarah yakni Ulang Tahun Penubuhan ANGKASA yang ke - 52.

2. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan selamat Hari Raya



Aidilfitri kepada semua dan semoga semuanya kembali bertugas daripada cuti dengan keadaan kesihatan yang baik dan bersemangat untuk kita meneruskan agenda



memperkasakan
koperasi negara.

**Warga ANGKASA yang dikasihi
sekali**

gerakan



3. Tanggal 12 Mei 2023 iaitu hari ini, maka genaplah penubuhan badan puncak gerakan koperasi negara iaitu ANGKASA yang ke – 52. Sepanjang penubuhannya ANGKASA telah banyak kejayaan



dikecapi dalam usahanya melestarikan gerakan koperasi baik di peringkat nasional dan antarabangsa.



4. Tempoh 52 tahun juga merupakan manifestasi kepada keutuhan ANGKASA mendepani pelbagai cabaran dan krisis. Alhamdulillah berkat usaha semua pihak, ANGKASA masih



berdiri dan kekal komited
memberikan perkhidmatan
terbaik kepada seluruh
anggotanya.



5. Sebagai badan puncak tunggal gerakan koperasi, ANGKASA perlu meningkatkan keberkesanan gerakan ini dalam memakmurkan ekonomi masyarakat melalui eksplorasi



perniagaan berimpak tinggi yang dapat diceburi oleh koperasi agar gerakan ini sentiasa meningkatkan perolehannya dan menyumbang kepada



kesejahteraan sosiekonomi rakyat
Malaysia.

**Warga ANGKASA yang dikasihi
sekali**



6. Kita telah pun melepasi suku tahun yang pertama 2023. Pelbagai pencapaian dan kejayaan cemerlang yang telah dilakar. Namun tidak seharusnya



kita terus selesa dengan kejayaan ini.

7. Kecemerlangan dalam pekerjaan bukan hanya dikira apabila sasaran yang ditetapkan



ketua bahagian dicapai, akan tetapi nilai integriti juga diambil kira. Sebagai kakitangan yang memberi khidmat dalam membangunkan gerakan koperasi, saya menyeru supaya



kita laksanakan setiap tugas dan tanggungjawab dengan penuh etika dan amanah.

8. Ini kerana
kebertanggungjawaban



ANGKASA juga amat besar. Pemegang taruh kita terdiri daripada kerajaan, koperasi, syarikat swasta dan juga rakyat Malaysia secara keseluruhannya. Maka wajarlah kita semua untuk



memastikan perancangan menerapkan unsur inovasi supaya kita terkehadapan dalam membantu koperasi sentiasa berdaya saing dalam pasaran. segala dibuat inovasi



9. Untuk meneruskan kecemerlangan bukanlah sesuatu yang mudah, warga kerja ANGGKASA perlu mengamalkan usaha di luar secara kelaziman demi



mendapatkan keputusan luar dari kebiasaan. Apabila ini dapat diterapkan dalam diri setiap kakitangan, maka produktiviti akan dapat ditingkatkan sekaligus menjadikan proses kerja



lebih pantas, cekap dan berkesan.

Warga ANGKASA yang dikasihi sekali



10. Besar harapan saya supaya semua kakitangan kekal fokus dan memberikan hasil kerja terbaik dalam bidang tugas masing – masing. Semoga ANGKASA akan kekal meneraju



gerakan koperasi negara
sebagai sebuah platform
pengukuhan sosiekonomi rakyat
dan menjadi jentera pemacu
pertumbuhan ekonomi negara
yang berkesan.



11. Semoga kita akan meneruskan kecemerlangan ini sebagai sebuah organisasi melalui praktis terbaik dalam pekerjaan. Insyallah usaha kita akan



diberkati, dirahmati dan diberi kemudahan oleh Allah s.w.t.

12. Maka dengan ini
sayamengucapkan Selamat
menyambut Ulang Tahun



ANGKASA yang ke 52 kepada seluruh warga kerja ANGKASA dan Selamat Hari Raya Aidilfitri.

13.Saya tutup kata – kata dengan satu nukilan dari Albert Schweitzer



‘Kejayaan bukanlah kunci kebahagiaan. Kebahagiaan adalah kunci kejayaan. Jika kamu mencintai apa yang kamu lakukan, maka kamu akan mendapat mencapai kejayaan.’



Sekian, wabillahi taufik
walhidayah
Wassalamualaikum
Warahamtullahi Wabarakatuh.